

GARIS PANDUAN

Pengiklanan untuk Pengamal Perubatan Traditional dan Komplementari



BAHAGIAN PERUBATAN TRADITIONAL DAN KOMPLEMENTARI, Kementerian Kesihatan Malaysia

Disediakan pada 28 September 2016

[Ruj : tcmd02/SOP dan Garis Panduan Resmi/Garis Panduan Resmi No. 2 versi1
(BM)]

tkl/anh

GARIS PANDUAN PENGIKLANAN UNTUK PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

1. Pengenalan

Tujuan pengiklanan ialah memberi maklumat kepada orang ramai mengenai perkhidmatan atau produk yang di tawarkan dan mempunyai impak terhadap perniagaan pengiklan. Oleh yang demikian akta dan garis panduan disediakan untuk melindungi orang ramai supaya pengiklan mengikut perundangan yang sediada dan bertanggungjawab untuk menyampaikan maklumat yang benar berhubung dengan perkhidmatan atau produk yang di tawarkan.

2. Objektif

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan pengamal dan pengusaha perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) mengenai pengiklanan yang dibenarkan dan juga yang tidak dibenarkan dari segi Akta PT&K 2016 dan juga perundangan perubatan dan farmasi yang berkaitan.

3. Skop

3.1. Terpakai

Garis panduan ini hanya merangkumi pengiklanan **perkhidmatan** PT&K sahaja. Pengiklanan perkhidmatan termasuk : -

3.1.1. **Pengiklanan perkhidmatan** secara langsung seperti iklan tawaran/promosi perkhidmatan PT&K dalam surat khabar, televisyen, radio, risalah edaran, buku serta media elektronik/internet dan dalam apa-apa bentuk media yang boleh menyiarkan iklan melalui visual atau bunyi kepada orang ramai.

3.1.2. **Penggunaan Nama perniagaan/syarikat** yang akan menjadi satu iklan apabila dinyatakan dalam kad nama, notis, risalah, dokumen perniagaan seperti inbois dan sebagainya juga boleh ditafsirkan sebagai pengiklanan.

3.1.3. **Penggunaan gelaran dan singkatan** dalam kad nama serta papan tanda.

3.2. Tidak terpakai

3.2.1. Garispanduan ini **tidak** terpakai terhadap pengumuman yang disiarkan oleh agensi kerajaan persekutuan atau negeri, pihak berkuasa tempatan, hospital dan pusat kesihatan kerajaan atau mana-mana orang yang di benarkan oleh Menteri Kesihatan Malaysia.

3.2.2. Pengiklanan terhadap penjualan **produk** ubat tradisional **tidak** dihuraikan dalam garis panduan ini kerana dikawal dibawah Seksyen 3 dan 4B, Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Seksyen dan butir-butir kawalan produk sedemikian boleh di perolehi daripada Akta berkenaan dan garis panduannya dalam laman sesawang Bahagian Perkhidmatan Farmasi, ia-itu di "pharmacy.gov.my".

3.2.3. Garis panduan ini juga **tidak** merangkumi pengiklanan alat yang dituntut untuk diagnosis, pencegahan atau rawatan kesihatan kerana dikawal dibawah Akta Peranti Perubatan 2012 dan orang ramai serta pengamal boleh rujuk kepada laman sesawang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan di www.mdb.gov.my

4. Definasi

4.1. Amalan Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K)

Suatu bentuk amalan yang berkaitan dengan kesihatan bertujuan untuk mencegah, merawat atau mengurus penyakit atau sakit atau memelihara kesejahteraan fizikal dan mental individu dan termasuk amalan seperti perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional India, pengubatan Islam, homeopati dan terapi komplementari, tetapi tidak termasuk amalan perubatan dan pergigian yang masing-masing digunakan oleh pengamal perubatan dan pergigian yang berdaftar. (Seksyen 3, Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016).

4.2. Iklan

Iklan termasuk sebarang notis, pekeliling, laporan, ulasan, risalah, label, pembalut atau dokumen lain dan sebarang pengumuman yang dibuat secara lisan atau dengan cara menerbitkan atau mengeluarkan cahaya atau bunyi

(sepertimana yang dihuraikan dalam seksyen 2 Akta Ubat (Iklan & Jualan) 1956)

5. Penggunaan Gelaran dan Singkatan oleh Pengamal

Penggunaan gelaran, dan singkatan oleh pengamal perlu jelas serta tidak mengelirukan orang ramai.

5.1. Gelaran yang tidak dibenarkan

Pengamal PT&K tidak dibenarkan mengguna gelaran yang boleh menyebabkan orang ramai mempercayai bahawa beliau berkelayakan mengamal Perubatan atau menjalankan pembedahan seperti pengamal perubatan yang berdaftar dibawah **Akta Perubatan 1971**. Perbuatan ini juga merupakan suatu kesalahan dibawah Seksyen 33(1), Akta Perubatan 1971 dan apabila disabit kesalahan boleh didenda sehingga RM2000 untuk kesalahan pertama dan sehingga RM 5000 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Oleh demikian gelaran seperti **Doktor Perubatan, Dr., Pakar Perubatan, Pakar Perunding Perubatan** apabila digunakan dalam konteks Amalan PT&K dan diterbitkan dalam papan tanda nama, kad nama, notis atau sebarang dokumen seperti inbois adalah dilarang. Suatu senarai lengkap gelaran dan singkatan yang dilarang akan diwartakan oleh Majlis PT&K dibawah peruntukan seksyen 29(3), Akta PT&K 2016 apabila seksyen ini ditetapkan tarikh penguatkuasaannya.

5.2. Gelaran yang dibenarkan

Tiada halangan sekiranya pengamal PT&K menggunakan gelaran seperti **Sinseh, Tabib, “Acupunturist”** dan sebagainya.

Pengamal boleh memohon surat '**Tiada Halangan**' daripada Bahagian PT&K, KKM sekiranya tidak pasti tentang nama/gelaran yang boleh dipamerkan dalam papan tanda premis apabila ingin mendapat kelulusan papan tanda daripada Majlis Pihak Berkuasa Tempatan atau Majlis Daerah.

Butir-butir seperti, nama perniagaan/syarikat, alamat amalan, nama pengamal, salinan dan No. Pendaftaran Pengamal serta bidang amalan yang diiktirafkan hendaklah dikepilkan semasa permohonan bagi perkara dalam para diatas..

6. Penggunaan Nama perniagaan/syarikat bagi Amalan PT&K

6.1. Nama yang tidak dibenarkan

Menggunakan istilah “**klinik**” atau “**dispensari**” atau “**hospital**” atau istilah yang memberi makna yang sama dalam **nama perniagaan/syarikat** adalah suatu kesalahan dibawah seksyen 33(1)(f) Akta Perubatan 1971 apabila dinyatakan dalam papan tanda premis amalan.

Dalam konteks yang sama pengamal juga tidak benarkan menggunakan perkataan “**Pharmacist**,” “**Chemist**,” “**Druggist**” dan istilah yang serupa makna dalam **nama perniagaan/syarikat** kerana ianya terhad untuk kegunaan oleh Ahli Farmasi berdaftar dibawah Seksyen 7, Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951.

6.2. Nama premis/perniagaan/syarikat yang boleh digunakan

Undang-undang semasa tidak melarang kegunaan nama premis yang biasa digunakan oleh pengamal PT&K seperti berikut : -

**Pusat Rawatan Perubatan Tradisional * Melayu/Cina/India/
Homeopathi/Komplementari** dan sebagainya.

Pengamal juga boleh memohon **surat “Tiada Halangan”** daripada Bahagian PT&K, Kementerian Kesihatan sekiranya tidak pasti tentang perkataan yang boleh digunakan dalam Nama Perniagaan/Syarikat Pengamal PT&K yang baru sebelum memohon kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Permohonan surat ini juga hendaklah dilampirkan dengan dokumen yang lengkap untuk butir-butir seperti dalam para ketiga, 5.2 diatas.

7. Pengiklanan Perkhidmatan PT&K yang melanggar undang-undang

AKTA UBAT (IKLAN & PENJUALAN) 1956

7.1. Larangan terhadap iklan yang berkaitan dengan kemahiran atau perkhidmatan.

a) Pengamal **tidak** dibenarkan mengambil bahagian dalam penyiaran apa-apa iklan yang merujuk kepada apa-apa kemahiran atau perkhidmatan yang berhubung dengan rawatan, pencegahan atau diagnosis bagi apa-apa ailmen, penyakit, kecederaan, kelemahan atau keadaan yang melibatkan tubuh manusia; dan

yang dapat mendorong, atau yang mengandungi pelawaan, sama ada nyata atau tersirat, kepada, mana-mana orang untuk mendapatkan nasihat pengiklan atau mana-mana orang yang dirujuk dalam iklan itu berkaitan dengan kemahiran atau perkhidmatan itu:

Penalti

Perbuatan di atas melanggar **Seksyen 4A, Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956** dan sekiranya disabitkan kesalahan boleh dihukum sehingga RM3000 atau 1 tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan RM 5000 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan seterusnya.

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016

7.2. Larangan membuat tuntutan yang palsu

a) Tertakluk kepada para 7.1 di atas, Seksyen 33(1) Akta PT&K juga jelas menghuraikan bahawa seorang pengamal berdaftar atau mana-mana orang yang mengambil kerja atau menggaji pengamal itu tidak boleh membuat apa-apa **pernyataan palsu** dalam apa-apa iklan berkenaan dengan khasiat penyembuhan, perubatan atau kesihatan apa-apa perkhidmatan PT&K yang disediakan oleh pengamal berdaftar.

b) tertakluk juga kepada para 7.1 di atas, Seksyen 33(2) Akta PT&K juga tidak membenarkan orang yang dimaksudkan 7.2(a) di atas untuk membuat apa-apa pernyataan palsu atau yang mengelirukan berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan PT&K dengan tujuan untuk mendorong, mempengaruhi atau menyebabkan seseorang pesakit membuat kontrak untuk membeli perkhidmatan itu.

Dalam konteks pernyataan palsu, Seksyen 33(4) Akta yang sama juga menghuraikan ianya sebagai apa-apa perbuatan yang berkemungkinan mengelirukan orang ramai-

- a) tentang sifat, ciri-ciri, kesesuaian bagi tujuan, atau kuantiti perkhidmatan yang diberikan;
- b) bahawa perkhidmatan yang diberikan adalah dari jenis standard, kualiti atau kuantiti tertentu;
- c) dengan mengiklankan bahawa perkhidmatan yang disediakan adalah bagi penyakit-penyakit tertentu yang disenaraikan di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956;

- d) bahawa perkhidmatan diberikan oleh mana-mana orang tertentu atau oleh mana-mana orang dengan kebolehan, kelayakan atau kemahiran tertentu; atau
- e) tentang harga bagi perkhidmatan yang diberikan.

Penalti untuk kesalahan diatas dibawah Akta PT&K 2016 apabila dikuatkuasakan membawa hukuman denda sehingga RM30,000 atau penjara sehingga 2 tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan RM50,000 atau 3 tahun penjara bagi kesalahan selanjutnya.

8. Larangan lain

Testimonial

Penggunaan testimonial daripada pesakit dalam apa-apa bentuk media pengiklanan merupakan satu dorongan tersirat [rujuk Seksyen 4A, Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956] kepada orang ramai terhadap perkhidmatan yang di tawarkan dan adalah tidak dibenarkan.

Selebriti

Kesalahan yang sama juga boleh dikenakan terhadap penggunaan selebriti untuk mempromosi perkhidmatan PT&K. Contoh selebriti termasuk pelakon popular, penyanyi, model tempatan/antarabangsa, Ahli Olahraga dan juga Ahli Professional seperti Pengamal Perubatan, Pergigian dan sebagainya).

Larangan kegunaan 'Testimonial' dan 'Selebriti' akan dikemukakan kepada Majlis PT&K untuk dimasukkan sebagai **Piawai amalan mandatori** dalam kod tadbir urus/kod amalan sepertimana yang diperuntukkan dibawah Seksyen 35(1) Akta PT&K 2016.

9. Pengiklanan yang dibenarkan

Pengamal PT&K yang membuka premis amalan yang baru dibenarkan memberi notis tentang pembukaan premis baru mereka dengan kenyataan butir-butir berikut : -

Nama premis amalan, waktu amalan, alamat pengamalan, lokasi, no. pendaftaran pengamal, bidang amalan yang diiktirafkan, no. telefon dan faks, alamat emel, laman sesawang, serta gambar pengamal PT&K.

Pengamal PT&K juga diingatkan supaya mematuhi kepada Kod etika dan Kod amalan untuk Pengamal-Pengamal PT&K terutama dari aspek pengiklanan dan profession semasa membuat apa-apa pengiklanan.

10. Penutup

Garis panduan ini tidak statik. Ianya dihasilkan berpandukan kepada Akta-Akta semasa berkaitan dengan pengiklanan perkhidmatan mengenai perubatan, penggunaan gelaran yang terhad kepada Ahli Profesional tertentu dan juga Akta PT&K yang akan dikuatkuasakan dengan sepenuhnya dalam masa yang singkat. Peruntukan-peruntukan akta-akta ini dan peraturan-peraturannya sentiasa dipinda untuk mengemaskini kelompangan undang-undang dan juga keadaan semasa. Oleh yang demikian Pengamal PT&K hendaklah merujuk kepada apa-apa pindaan pada masa yang akan datang supaya amalan PT&K dilaksanakan menurut garis panduan yang terkini.

Rujukan :

- i. Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016
- ii. Akta Perubatan 1971
- iii. Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956
- iv. Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951
- v. Akta Peranti Perubatan 2012
- vi. Kod etika dan Kod amalan untuk Pengamal-Pengamal PT&K, Bahagian Perkhidmatan PT&K.